



AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN
NATIONAL ANTI-DRUGS AGENCY
Kementerian Dalam Negeri
Ministry of Home Affairs
Jalan Maktab Perguruan Islam
43000 KAJANG
SELANGOR, MALAYSIA



Tel: 603-8911 2200
Faks (Fax): 604-8926 2055
Laman Web (Web): www.adk.gov.my

Rujukan : AADK(S)900-7 Jld. 9 (2)

Tarikh : 6 Julai 2023

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Prof./ Dr./Tuan/Puan,

JEMPUTAN DAN PELAWAAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN SAINTIFIK DAN PENYELIDIKAN MENGGUNAKAN GERAN PENYELIDIKAN ILMIAH AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK) TAHUN 2023

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah menyediakan sejumlah peruntukan dalam bentuk Geran Penyelidikan Ilmiah bagi melaksanakan kajian-kajian berkaitan penyalahgunaan dadah dan bahan di Malaysia.

3. Geran Penyelidikan Ilmiah ini bertujuan untuk memberi peluang kepada penyelidik-penyelidik profesional menjalankan kajian saintifik dan penyelidikan yang relevan dengan permasalahan dadah dalam negara serta menghasilkan suatu penemuan baharu yang meningkatkan mutu perkhidmatan AADK kepada rakyat serta meningkatkan keberhasilan program yang dijalankan.

4. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Prof./ Dr./Tuan/Puan adalah dijemput dan dipelawa bagi menjalankan kajian saintifik dan penyelidikan menggunakan Geran Penyelidikan Ilmiah AADK Tahun 2023 berpandukan **Syarat Dan Skop Kajian Saintifik Dan Penyelidikan** yang telah ditetapkan iaitu **seperti di Lampiran A**. Pihak penyelidik yang berminat diminta untuk mengemukakan **Borang Permohonan Geran Penyelidikan Ilmiah AADK seperti di Lampiran B** kepada Cawangan Penyelidikan melalui emel **research@adk.gov.my**. Tempoh tawaran dibuka untuk permohonan ini adalah mulai 1 sehingga 31 Ogos 2023.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Prof./Dr./Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai-pegawai di Cawangan Penyelidikan, Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan seperti berikut:-

5.1 Puan Hafidah binti Mohd @ Maasom di talian 03-89112381;

5.2 Encik Muhammad Asraf bin Ahmad: 03-89112280; atau

5.3 Puan Zalehan binti Tajuddin di talian 03-8911 2286

6. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Prof./Dr./Tuan/Puan ke atas perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"DADAH TERKAWAL 2025"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(OTHMAN BIN MOHAMED NAZARI)

Pengarah

Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan

b/p Ketua Pengarah

Agensi Antidadah Kebangsaan

Kementerian Dalam Negeri

s.k.

1. Ketua Pengarah
2. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
3. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)